

Gilap bakat muda berpontensi lonjak sukan badminton

Bermula dengan baik mencapai kemenangan yang pertama dengan Datuk Lee Chong Wei pada perlawanan perseorangan pertama bukan bayangan kemenangan untuk merobek kemarau penantian 22 tahun menggapai Piala Thomas pada kali ini.

Rakyat Malaysia pada waktu itu bergantung penuh harapan menanti debaran perlawanan sehingga ke perlawanan perseorangan ketiga terakhir, manakala Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin turut memberi sokongan padu kepada pasukan negara.

Namun, Piala Thomas kali ini milik Negara Matahari Terbit - Jepun yang mencapai kemenangan tipis 3-2.

Di sebalik kemenangan Jepun pada edisi Piala Thomas kali ini, sedar atau tidak, kita sebenarnya telah melahirkan generasi badminton yang berpotensi pada masa hadapan.

Potensi pemain muda wajar digilap

Melihat pada perlawanan semalam pasukan negara meletakkan pemain muda yang jika dilihat pada ranking dunia lebih memihak kepada Jepun selain perseorangan pertama Datuk Lee Chong Wei.

Beregu kedua negara, Goh V



Pasangan beregu negara Goh dan Tan berpontensi menjadi jaguh handalan.

Shem dan Tan Wee Kiong yang tidak disenaraikan lagi dalam ranking, berjaya mengalahkan pasangan beregu Jepun Kenichi Hayakama dan Hiroyuki Endo yang menduduki ranking ke-13 dunia 19-21, 21-17, 21-12 sekali gus memberi gambaran bahawa potensi yang bakal mewarnai harapan negara pada kejohanan akan datang.

Begitu juga perseorangan ketiga Malaysia, Liew Daren yang menduduki ranking ke-66 dunia menentang perseorangan ketiga

Jepun, Takuma Ueda yang berada pada ranking ke-25 dunia, Walau bagaimanapun, Liew Daren masih mampu memberi tentangan yang begitu sengit sehingga membawa perlawanan ke set penentuan dengan 12-21, 21-18, 17-21. Potensi pemain-pemain ini haruslah digilap dengan sebaik mungkin untuk menghasilkan generasi yang berterusan pada masa hadapan dan boleh meneruskan momentum kejayaan seperti yang dilakar Datuk Lee Chong Wei sebelum ini.

Kita tidak ketandusan bakat muda

Kata orang dulu 'Jika kamu ingin melihat masa depan sesuatu negara lihatlah pada generasi muda pada masa ini'. Sukan badminton negara kita tidak ketandusan bakat yang boleh diketengahkan di persada antarabangsa dan tidak mustahil menggapai Piala Thomas edisi akan datang.

Muhamad Khairulamin Zairazi,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama, USIM